



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS MEDIA BERKENAAN ISU TULAR DI LAMAN MEDIA SOSIAL BERHUBUNG PEMBUANGAN BERAS DI TEMERLOH, PAHANG

PUTRAJAYA, 19 APRIL 2024 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) ingin memberikan maklum balas kepada isu yang tular di media berhubung pembuangan beras dan barang keperluan lain di suatu lokasi di Temerloh, Pahang.

Untuk makluman, KPBM memandang serius akan isu tular yang berlaku dan telah mengambil langkah segera dengan menjalankan siasatan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPBM) Cawangan Temerloh ke lapangan. Turut hadir ke lokasi adalah pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Lokasi kejadian tersebut berlaku di tempat pembuangan sampah berhampiran Jalan Pintasan Rumpun Makmur - Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang.

Berdasarkan penemuan awal, pihak KPBM Cawangan Temerloh mendapati bahawa beras-beras tersebut telah rosak dan tidak sesuai serta tidak selamat untuk dimakan. Oleh itu, KPBM menasihatkan semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi mengenai isu ini memandangkan perkara ini masih dalam siasatan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras, 1994 [Akta 522]. Untuk makluman semua pihak, sebarang aktiviti pelupusan beras hendaklah merujuk kepada Kawalselia Padi dan Beras (KPBM), KPBM.

Sebarang maklumat lanjut atau aduan berhubung isu ini, sila kemukakan aduan secara rasmi bersama butiran dan maklumat yang lengkap melalui saluran berikut:

Kawalselia Padi dan Beras (KPBM),
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM)

- i. Portal Aduan KPBM: <https://skpb.kpkm.gov.my/adu>
- ii. E-mel Rasmi : aduankpb@kpkm.gov.my
- iii. Hotline Ibu Pejabat KPBM Putrajaya: 03-88701751/1748/1183
- iv.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
19 APRIL 2024**